

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	08 JANUARY 2017

# PM beri gambaran PRU, sifatkan 2017 tahun istimewa

BH - 8/1/2017

**Kota Belud:** Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) perlu bekerja kuat untuk memastikan jentera parti bergerak dengan baik bagi menghadapi pilihan raya umum (PRU) yang berkemungkinan diadakan tahun ini.

Pengarah Komunikasi Strategik BN, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata langkah itu selaras peringatannya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang memberi gambaran mengenai PRU dengan menyifatkan tahun ini sebagai istimewa.

“Soalnya sekarang ialah kita akan berdepan pilihan raya dan Perdana Menteri sudah beri gambaran bahawa tahun ini tahun yang istimewa.

“Maknanya, kita terpaksa bekerja kuat kerana kita sudah diberikan sedikit isyarat bahawa pilihan raya akan diadakan tahun ini,” katanya selepas melawat beberapa projek pembangunan di daerah ini, semalam.

Abdul Rahman yang juga Men-

teri di Jabatan Perdana Menteri, berkata walaupun bila PRU diadakan adalah kuasa mutlak Perdana Menteri, semua parti komponen perlu memastikan jentera masing-masing mula digerakkan.

**Sebar maklumat kepada rakyat** Paling utama, katanya, unit media siber untuk menyebarkan maklumat kepada rakyat dan menyanggah segala tohmahan serta fitnah dilemparkan kepada kerajaan oleh pihak pembangkang.

Terdahulu, Abdul Rahman yang juga Setiausaha BN Sabah mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr Maximus Ongkili yang dilantik sebagai Pemangku Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), berkuat kuasa semalam.

“Ini perkembangan baik dan dengan adanya kepemimpinan baharu berganding dengan yang lama, PBS mampu memberi perkhidmatan lebih baik kepada rakyat Sabah,” katanya.